

# PM minta rakyat jangan bersikap boros

3.11.92 - 9 DEC 1992

(P)

**K**UALA LUMPUR 8 Dis.—Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat supaya tidak bersikap boros berbelanja dalam keadaan mewah untuk membantu kerajaan memastikan perkembangan ekonomi yang pesat sekarang berterusan dan memberi manfaat kepada semua.

Perdana Menteri berkata, walaupun keadaan sekarang adalah baik tetapi rakyat harus terus menitikberatkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Umpamanya, kita berpendapat bahawa oleh kerana kita sudah ada banyak duit maka kita boleh beli apasaja. Import apa saja barang kerana kita mempunyai duit yang banyak. Dengan itu dengan sendirinya akan menjejaskan pertukaran asing kita," katanya.

## Berdisiplin

Bercakap dalam rancangan RTM **Bersama Perdana Menteri** yang disiarkan malam ini, Dr. Mahathir yakin Malaysia boleh maju lebih pesat daripada sekarang jika semua rakyat berdisiplin dan dapat mengawal perasaan diri.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya pada pandangannya apa yang boleh dibuat oleh rakyat sendiri untuk membantu supaya perkembangan ekonomi yang pesat sekarang dapat berterusan. Serentak dengan itu beliau mengingatkan pada sejarah di mana ada negara-negara yang begitu maju hingga dapat mendirikan empayar di seluruh dunia tetapi akhirnya merosot kerana mereka berasa seolah-olah tidak perlu berusaha.

"Biasanya kalau seseorang itu hidup mewah dia akan menjadi terlalu leka dengan anggapan kemewahan itu akan

berterusan. Ini adalah satu perkara yang harus kita perhatikan dan ambil berat.

"Walaupun mudah, walaupun mampu, kita harus hati-hati dalam perbelanjaan kita, baik kerajaan, baik rakyat. Kerajaan saja tidak mencukupi. Rakyat sendiri mestilah berjaga-jaga supaya tidak boros dalam keadaan mewah," ujarnya.

Menurutnya, jika ada sikap semacam ini Malaysia tidak akan mengalami kemerosotan yang sering berlaku kepada negara-negara maju.

Untuk mencapai matlamat yang sama, Dr. Mahathir mengingatkan rakyat supaya faham tentang konsep sebenar menyimpan wang.

"Jadi bila kita kata kita mesti simpan wang tidak bermakna menyimpan wang dalam peti besi sehingga kita tidak dapat menggunakannya," katanya.

Beliau berkata, wang yang ditabungkan tidak mendapat kebaikan melainkan wang itu dilabur dalam sesuatu usaha yang boleh meningkatkan produktiviti dan menambah wang dari segi keuntungan.

Sebagai contoh, beliau menyebut ia dilabur dalam sesuatu perusahaan atau perniagaan.

## Pinjaman

Perdana Menteri berkata, kalau wang itu disimpan saja, umpamanya, kalau kita simpan dalam bantal, setahun, dua tahun, sepuluh tahun, wang itu akan merosot nilainya.

"Sebaliknya kalau kita simpan dalam bank, bank pula memberi pinjaman wang itu kepada peniaga dan pengusaha dan peniaga dan pengusaha ini akan memberi faedah kepada bank. Dengan cara itu wang tersebut akan meningkat jumlahnya."

Katanya, lebih cepat wang itu bertukar tangan, lebih baik lagi ekonomi sesebuah negara.

Dr. Mahathir tidak bersetuju dengan pendapat bahawa ekonomi akan menjadi baik jika kerajaan menaikkan faedah bank.

"Ini tidak betul. Kita tidak boleh memperbaiki ekonomi hanya dengan menaikkan faedah ataupun menurunkan faedah," katanya.

Beliau menambah, begitu jugalahnya dengan setengah-setengah negara bila menghadapi masalah ekonomi menurunkan nilai mata wangnya, konon dengan caraini semua harga barang menjadi murah.

## Produktiviti

"Itu tidak benar," katanya.

Dr. Mahathir berpendapat, yang penting sekali untuk menjaga ekonomi negara ialah produktiviti

"Kalau kita dapat dengan menggunakan wang yang sama mengeluarkan bahan yang lebih iaitu meningkatkan produktiviti, maka dengan itu ekonomi dapat menjadi baik. Inilah yang dicuba oleh kerajaan," katanya.

Perdana Menteri juga meminta kesatuan-kesatuan sekerja menyedari hakikat kesan buruk yang akan timbul terhadap ekonomi negara dari tuntutan kenaikan gaji yang tinggi.

"Kalau didalami kesannya, kita menuntut gaji yang tinggi, gaji naik, maka kos apa juga yang kita keluarkan meningkat.

"Bagi Malaysia, yang bemiaga di seluruh dunia, pasaran kita akan terbantut kalau barangan kita terlalu mahal kerana kos pengeluaran kita dan gaji kita terlalu mahal. Dengan itu barang kita akan naik harga dan tidak boleh bersaing di luar negeri," katanya.